

BIDAAH DAN KURAFAT

Kullu bi'atin dholaltun wakullu dholalatin finnar – hadith syarif.

Sedikit sebanyak tentang bidaah telah ditulis di halaman ini dua kali dalam keluaran yang lalu, dan sekarang elok rasanya soal khurafat yang sedang berjebah pada tiap-tiap zaman apa lagi pada zaman ini dikupas di sini mudah mudahan ada faedahnya kepada umum. Khurafat (banyaknya disebut khurafat) artinya karut. Sangkaan bodoh, dongeng, tidak masuk pada akal.

Banyak khurafat perkara khurafat tiap-tiap bangsa di dunia semenjak dahulu sehingga sekarang masing-masing ada mempunyai kepercayaan yang semata-mata khurafat yang telah dipusakai turun temurun orang-orang Islam amnya dan orang-orang Melayu khasnya tidak suci juga.

Berkenaan kepercayaan karut dan khurafat orang-orang kita Melayu yang telah dipusakai dari agama berhala dahulu telah dihuraikan oleh pendeta Za'ba dengan panjang lebar katanya:

“...kecemaran agama berhala seperti memuja-muja keramat atau tempat-tempat yang dipercayakan kononnya “keramat”, bernazar dan memberi niat di tempat-tempat “keramat” itu dengan memotong kambing dan mandi darah kambing dan sebagainya di situ seperti yang diperbuat oleh orang-orang kita Melayu yang tiada pelajaran; adat berpuah (berpuar) atau menyimah iaitu menghalau hantu dari dahulu sungai ke kuala sungai dengan “bersengketa” batang dan memotong kerbau balar ditanamkan di empat penjuru daerah itu sebagai persembahan kepada hantu-hantu serta berpantang daripada “Melayur Daun” menyembelih binatang dan sebagainya dan berjenis-jenis lagi perkara yang diperintahkan oleh tok pawang! Demikian pula perbuatan “berhantu:” atau jin sebagai ikhtiar mencari ubat akan menyembuhkan seseorang yang sakit berat dan perbuatan “membuang ancap” ke sungai atau ke laut sebagai jalan membuang hantu penyakit yang telah

mengeni seseorang-semuanya itu dan banyak yang lain-lain lagi seumpama itu yang diperbuat oleh orang Melayu boleh dibangsakan kecemaran agama berhala belaka.

“Maka perkataan “palsu” itu pula bukanlah sahaja maksudnya berbuat bohong atau berkata-kata dusta. Tetapi termasuklah juga segala sangka-sangka yang karut-karut dan kepercayaan yang bukan-bukan seperti mengatakan segala penyakit disebabkan oleh hantu syaitan—kena teguran kena himbasan kena sampuk oleh jembalang tanah, kena badi, kena pelesit, kena buatan oleh orang, “terkena di pokok anu, “ditegur” oleh hantu penunggu lubuk anu, dan lain-lain lagi! Orang Melayu telah bergama Islam hampir 700 tahun. Tetapi kepercayaan lama yang karut-karut dan palsu ini masih didapati berakar dengan teguhnya di hati mereka itu! Maka jika mengikut perintah Tuhan yang dilafazkan dalam ayat ini tadi wajiblah dijauhi segala perkara yang tersebut supaya memelihara darjat kemuliaan manusia dan sifat perangaian daripada dirosakkan oleh kebodohan.”

Ayat suci yang disebutkan oleh Za'ba di atas itu ialah firman Allah Taala: “*Fajtanibu al rijsa min al authan wajtanibu qaul al zur*: surah Al-Haj 30. Artinya: “Maka jauhilah oleh kamu segala kecemaran daripada agama berhala dan jauhi perkataan-perkataan palsu.”

Berkenaan khurafat dan kepercayaan-kepercayaan karut sebenarnya

dajal-dajal telah memainkan role dan songlap yang bukan kecil. Bukan sedikit orang-orang bodoh–lelaki dan perempuan–yang telah menjadi mangsa mereka.

Misalnya surat-surat “wafak” (wafak) berkenaan membawa pengasih atau mendatangkan pembenci dengan dorongan kepercayaan yang bodoh itu seseorang itu akan pergi mendapatkan pawang atau salah seorang dajal supaya diperbuatkan baginya tangkal pengasih atau pembenci yang boleh menceraikan dua orang suami isteri. Pawangnya ataupun orang dajal itupun membuatkan (wafak) yang ditulis di atas sesuatu benda yang tertentu lalu digantung atau ditanam di tanah kubut atau pun ditanam dibawah pintu rumah atau diperbuatkan wafak yang ditulis di pinggan kaca putih yang akan dibasuh dan diberi minum kepada orang yang hendak dikenakan ilmu itu atau pun dijiraskan di tengah jalan lalu lalangnya. Pendeknya banyak lagi cara-cara dan songlapnya.

Sebenarnya semuanya yang disebutkan itu dan yang seumpamanya adalah termasuk dalam bahagian khurafat yang tidak berasaskan hakikat ilmu pengetahuan, sedang pawang-pawang dan dajal itu hanya bermodalkan ilmu pusaka peninggalan agama berhala atau kitab-kitab khurafat dan dusta pasun seperti kitab-kitab Abi Ma’syar Al-Falaki, Mujarbat Al-Dirbi, Syamsu Al-Ma’rif Al-Kabira, dan lain-lain lagi.

Yang lebih hebat bukan sahaja orang-orang Timur yang telah menjadi korban khurafat bahkan orang-orang Barat yang dipandang telah memuncak kemajuannya dan ilmu fikirannya masih ada yang menjadi korbannya. Baharu-baharu ini suatu perkara telah dibawa ke mahkamah di negeri Perancis berkenaan “serbuk pengasih” yang telah dikeluarkan oleh seorang bomor kepada siapa-siapa sahaja yang telah menawan hatinya. Serbuk itu ialah campuran daripada kulit katak. Kesudahannya bomor perempuan itu telah dihadapkan di muka pengadilan dengan tuduhan menipu dan memperdaya langganannya.

Menerangkan Yang Hak

Dalam Utusan Melayu keluaran 24 November

Tuan “Abad” telah menulis berkenaan memerangi bidaah dholalah lalu menerangkan kemusykilannya terhadap rencana saya yang tersiar dalam majalah Qalam bilangan 27.

Kemusykilan tentan saya berkata: “Bidaah yang dilarang ialah tiap-tiap perbuatan yang “mengurang” dan “menambah” amal-amal yang disuruh oleh agama. Tetapi tuan “Abad” mengatakan pada fahamnya bidaah yang dilarang ialah “menokok” atau “menambah”tidak termasuk mengurang”.

Apa yang dikeluarkan oleh tuan itu telah pun saya jelaskan pada paragraph itu juga bahkan pada baris itu juga demikian bunyinya: “Jelas tiap-tiap amal yang tidak bersendikan dalil syarak dan berlawanan pula dengan kandungan kitab Allah perjalanan Rasul Allah dan sahabat-sahabat Nabi-Al-Khalifah Al-Rasyidin–maka yang demikian itu bidaah sesat namanya.”

Sebenarnya tiap-tiap perbuatan yang “mengurang”, “menambah” dan “mengubah” hukum-hukum syarak ialah bidaah dholalah!

Misalnya: Syarak telah menetapkan sembahyang fardhu itu lima kali sehari semalam. “Mengurang” ketetapan ini daripada lima kali kepada tiga kali adalah hukumnya bidaah dholalah dan ibadatnya itu tidak sah. Sebagaimana juga kalau “menimbahnya” atau “mengubah” tertib peraturannya dan cara mengerjakannya.

Sekali lagi saya ulangi bahawa “mengurang”, “menambah” dan “mengubah” hukum syarak itu adalah hukumnya bidaah dholalah.

Bahkan seseorang yang meninggalkan hukum syarak semuanya sekali dengan iktikad bahawa dirinya telah kamal sempurna dan tidak payah mengerjakan amalan syariat lagi maka perbuatannya itu bidaah dholalah juga.

Dan sudah tentu bidaah dholalah itu neraka tempatnya!

- Saifuddin